



MAJLIS BANDARAYA IPOH

**ARAHAN KEWANGAN BIL.10/2015**

Rujukan : Bil ( 57 ) dlm.MBI.B1/12/1/12

Jabatan Kewangan  
Majlis Bandaraya Ipoh

10 April 2015

Setiausaha Bandaraya  
Timbalan-Timbalan Setiausaha Bandaraya  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit  
Majlis Bandaraya Ipoh

**GST UNTUK SEBUTHARGA/TENDER**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, dimaklumkan bahawa GST telah dikuatkuasakan bermula pada 1 April 2015, oleh yang demikian arahan penender perlu ditambah baik bagi penggunaan **GST** sesuatu kontrak kerja, bekalan atau perkhidmatan.
3. Oleh itu, pihak tuan/puan dipohon untuk menambah klausa dalam arahan penender sebutharga/tender seperti di bawah :-

*Penender hendaklah menawarkan harga sebutharga/tender dengan menyenaraikan harga dalam Senarai Kuantiti (Bill of Quantities - BQ) tanpa mengambil kira GST selepas ini dirujuk sebagai BQ tanpa GST.*

*Meskipun demikian penender masih bertanggungjawab untuk mengambil kira dalam BQ tanpa GST tersebut bagi bayaran kos yang berkaitan dengan pematuhan kepada mana-mana peruntukkan undang-undang, peraturan-peraturan, undang-undang kecil atau mana-mana perintah atau arahan yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa tempatan atau syarikat perkhidmatan awam berkaitan dengan pelaksanaan kerja.*

Bahagian Ukur Bahan  
Jabatan Kejuruteraan  
Diterima pada :  
14 APR 2015  
TANDATANGAN  
Penerima.....

.../2-

**CONTOH PENAMBAHAN 6% GST  
HANYA UNTUK ANGGARAN JABATAN SAHAJA**

LAMPIRAN A

RINGKASAN			
BIL.	PERKARA	JUMLAH	
1.0	<u>BQ NO. 1.</u> KERJA - KERJA AWALAN	RM	8,015.00
2.0	<u>BQ NO. 2</u> KERJA - KERJA AWALAN - JALAN DAN LONGKANG	RM	15,084.00
3.0	<u>BQ NO.3</u> KERJA - KERJA MEMBINA PARKING BERBUMBUNG	RM	96,840.00
JUMLAH KESELURUHAN		RM	119,939.00
6% GST		RM	7,196.34
JUMLAH KESELURUHAN + 6% GST		RM	127,135.34

Ringgit Malaysia : .....

Tempoh Kontrak : \_\_\_\_\_ Minggu

Syarikat : .....

Alamat : .....

No. H.P. : .....

No. Tel. Pej. : .....

Tandatangan : .....  
& Cop

*Penender hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran GST sama ada "berdaftar" atau "tidak berdaftar" semasa mengemukakan Dokumen Tawaran kepada Majlis. Untuk tujuan itu, bagi yang telah berdaftar perlu mengemukakan bersama dokumen pengesahan pendaftaran tersebut berserta "Nombor ID CBP".*

*Penender yang mengisytiharkan status pendaftaran GST sebagai "tidak berdaftar", namun akan menjadi syarikat yang "berdaftar" setelah ditawarkan perolehan tersebut, maka syarikat hendaklah mengemaskini status pendaftaran tersebut dengan segera kepada pihak Majlis berkenaan perubahan status tersebut. Namun, pelarasan bagi keenaan GST hanya akan dimuktamadkan oleh Pegawai Pengawal.*


*Bagi penender yang berjaya, Surat Setuju Terima (SST) akan dikeluarkan dan Harga Kontrak yang dinyatakan dalam surat tersebut akan termasuk keenaan GST 6% sekiranya penender telah "berdaftar" di bawah Akta GST 2014. Sebaliknya, bagi penender yang tidak "berdaftar", Harga Kontrak tanpa keenaan GST (6%) akan dinyatakan di dalam Surat Setuju Terima.*

4. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

**"PEMBUDAYAAN INOVASI, PEMANTAPAN PRESTASI"**

Saya yang menurut perintah,

  
(DATO' HARUN BIN RAWI)  
Datuk Bandar Ipoh